

Peranan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam Fikah Kontemporari: Satu Kajian Terhadap
Fatwa *Mu'āmalāt* Yūsuf al-Qaradāwī

Dr Arifin Mamat
Asst. Prof. Institute of Education, IIUM
Dr Abdul Basir Mohamad
Profesor Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM
drarifinmamat@gmail.com

Maqāṣid al-sharī'ah dan kepentingannya telah dikupas oleh sarjana Islam sejak dahulu lagi. Namun demikian, perbincangan mengenainya telah mendapat perhatian yang meluas sejak akhir-akhir ini, terutama ketika mengupas persoalan transformasi fikah kontemporari dan kerelevanan hukum Islam berhadapan dengan cabaran semasa. Kajian ini membincangkan peranan *maqāṣid al-sharī'ah* dan pemakaiannya dalam merungkai permasalahan fikah kontemporari terutamanya isu *mu'āmalāt*. Ia bertujuan mengkaji konsep *maqāṣid al-sharī'ah* dan sejauhmanakah aplikasinya dalam mengeluarkan fatwa berkaitan dengan *mu'āmalāt*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan dibuat dalam bentuk kajian perpustakaan. Pelbagai hasil penulisan yang berkaitan dengan tajuk sama ada bahan silam atau kontemporari telah dikaji. Manakala buku tulisan Yūsuf al-Qaradāwī iaitu '*Fatwa Masa Kini*' adalah bahan utama yang dibuat analisa berkaitan dengan aplikasi *maqāṣid al-sharī'ah* dalam *mu'āmalāt*. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk menafsir dan menganalisa data. Kajian ini mendapati bahawa segala amalan yang diperintahkan oleh syarak adalah berteraskan kepada *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu untuk membawa kebaikan kepada manusia dan menghindarkan mereka daripada keburukan. Oleh itu, kefahaman terhadap *maqāṣid al-sharī'ah* adalah sangat penting terutamanya kepada mereka yang terlibat dengan fatwa. Kajian ini juga menunjukkan al-Qaradāwī menggunakan *maqāṣid al-sharī'ah* semasa mengeluarkan sesuatu fatwa yang berkaitan dengan isu-isu *mu'āmalāt* masa kini. Kajian ini mencadangkan agar pendedahan umum berkaitan dengan konsep *maqāṣid al-sharī'ah* hendaklah dilakukan kepada masyarakat. Disamping itu, pemakaian *maqāṣid al-sharī'ah* oleh al-Qaradāwī dalam fatwa-fatwa kontemporarinya dalam bidang-bidang lain juga perlu dibuat kajian.

Keywords: *Maqāṣid al-sharī'ah*, *mu'āmalāt*, fiqh kontemporari

1- Pendahuluan

Kajian induktif terhadap ayat-ayat al-Qur'an mendapati bahawa *taklīf* atau bebanan syarak adalah bertujuan memelihara *maqāṣid al-sharī'ah* terhadap makhluk (al-Shāṭibī 2006: Jil.1, 265). Ini adalah kerana syariah Islam secara keseluruhannya adalah untuk merealisasikan *maṣlaḥah* (kebaikan), sama ada dengan cara

memperolehi *maṣlahah* atau menghindari daripada *mafsadah* (keburukan) (Ibn ‘Abd al-Salām 2010: Jil. 1, 14).

Al-Yūbī (1430H) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pemikiran mengenai *maqāṣid al-sharī‘ah* dan batu asasnya telah wujud seawal zaman Rasulullah SAW dan terus diamalkan oleh para sahabat dan pengikut mereka. *Maqāṣid al-sharī‘ah* dan kepentingannya terus dikupas dan bincangkan oleh ulama-ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuḥaylī dan Yūsuf al-Qaradāwī. Malah perbincangan mengenainya semakin diberi perhatian sejak akhir-akhir ini, terutama ketika membincangkan evolusi hukum dan transformasi fikah semasa (Mahmood Zuhdi 2010).

Adalah suatu hakikat yang diterima oleh sebahagian besar *fuqahā’* bahawa hukum syarak pada umumnya mempunyai asas-asas (*‘illat*) yang boleh difahami. Seterusnya daripada asas-asas inilah dapat difahami objektif syarak dalam menentukan sesuatu hukum. Objektif syarak inilah kemudiannya dijadikan panduan dalam menentukan keutamaan antara suatu hukum dengan hukum yang lain (Mahmood Zuhdi 2010: 119).

Oleh kerana itu, fatwa sesuatu hukum itu boleh berubah disebabkan faktor tertentu seperti perubahan masa, adat dan kemaslahatan manusia. Hukum yang menerima perubahan itu banyak berkisar dalam bidang *mu‘āmalāt*. Ini adalah kerana hukum yang berkaitan dengan *mu‘āmalāt* bersandarkan kepada prinsip utama *maqāṣid al-sharī‘ah* iaitu memperolehi kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan (al-Zuḥaylī 1997: 139). Perundangan Islam pada zaman pembentukannya juga telah menunkukan bahawa antara prinsip utama dalam perundangan ialah mengambil kira kemaslahatan manusia (Khallāf 1968: 22).

Berasaskan kepada hakikat ini, Mahmood Zuhdi (2010: 59) menegaskan apa sahaja hukum yang tidak mendukung objektif syariah iaitu untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan dianggap tidak sah dan tidak harus difatwakan. Oleh itu, mufti bukan sahaja berkewajipan memberi fatwa tentang hukum, tetapi memastikan fatwa itu tidak memudaratkan masyarakat.

Justeru kajian ini membincangkan peranan *maqāṣid al-sharī'ah* dan pemakaiannya dalam merungkai permasalahan fikah kontemporari terutamanya isu *mu'āmalāt*. Secara khususnya, pemakaian *maqāṣid al-sharī'ah* dalam fatwa yang berkaitan dengan isu-isu *mu'āmalāt* sebagaimana yang terdapat dalam buku '*Fatwa Masa Kini*' hasil karangan Yūsuf al-Qaraḍāwī.

2- Metodologi

Secara umumnya kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan dibuat dalam bentuk kajian perpustakaan.

Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data secara asasnya adalah melalui kaedah analisis dokumen. Penyelidik membuat kajian dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk. Kajian ini melibatkan penulisan yang berkaitan dengan tajuk sama ada secara langsung atau tidak dan bahan silam atau kontemporari.

Buku tulisan Yūsuf al-Qaraḍāwī iaitu '*Fatwa Masa Kini*' adalah bahan untuk dibuat analisa. Penyelidik mengumpul data dan mengklasifikasi fatwa yang direkod dari buku '*Fatwa Masa Kini*' kepada beberapa bahagian. Seterusnya penyelidik memilih fatwa-fatwa Yūsuf al-Qaraḍāwī yang berkaitan dengan persoalan kajian iaitu fatwa-fatwa beliau yang berkaitan dengan *mu'āmalāt*.

Metode Analisis Data

Setelah segala data dikumpul melalui metode di atas, penulis mengolah dan menganalisa data-data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah analisis kandungan.

3- Konsep *Maqāṣid al-Sharī'ah*

3.1 Definisi *Maqāṣid al-Sharī'ah*

Maqāṣid al-sharī'ah telah diberi definisi yang pelbagai oleh para sarjana Islam. Walaupun mereka telah menggunakan pelbagai terminologi yang berbeza, namun penelitian terhadap perbincangan *maqāṣid al-sharī'ah* menunjukkan perbezaan hanya berlaku ke atas penggunaan istilah sahaja. Tetapi dari segi maksud dan tujuan takrif yang dinyatakan hampir sama sahaja maksudnya.

Takrif *maqāṣid al-sharī'ah* menurut Ibn 'Āshūr (1999: 183): “*Maqāṣid* umum syariat adalah makna-makna dan hikmah-hikmah yang dikenalpasti menjadi asas kepada *al-Shāri'* dalam pensyariatian kesemua hukum-hukum atau sebahagian besarnya”.

Takrif *maqāṣid al-sharī'ah* menurut al-Qaraḍāwī (2008: 21): “Hikmat-hikmat yang diinginkan disebalik pensyariaatan hukum-hakam, sama ada hukum wajib atau harus”.

Daripada definisi di atas dapatlah dirumuskan bahawa yang dimaksudkan dengan *maqāṣid al-sharī'ah* adalah objektif yang dijadikan asas oleh *al-Shāri'* dalam pensyariatian sesuatu hukum. Perkataan-perkataan lain yang mempunyai makna yang hampir sama ialah *ghāyah*, *ma'na*, *'illah*, *ḥikmah*, *maqṣūd*, *gharaḍ*, *murād* dan *maghzā* (al-Raysūnī 1997: 14).

3.2 Pembahagian *Maqāṣid al-Sharī'ah* Mengikut Ruang Lingkup

Maqāṣid al-sharī'ah mengikut ruang lingkungannya dapatlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (al-Raysūnī 1997: 7, al-Yūbī 1430H: 369):

3.2.1 Objektif Umum (*al-Maqāṣid al-Āmmah*)

Ia bermaksud matlamat atau objektif umum yang ingin dicapai oleh syarak dan dipeliharanya dalam semua atau sebahagian bidang pensyariatian (al-Yūbī 1430H: 371). Ibn 'Āshūr (1999: 200) telah menyebutkan diantara *maqāṣid* umum adalah

menjaga sistem kehidupan manusia, mengarahkan aktiviti dan tindakan manusia kearah yang mendatangkan kebaikan dan menjauhkan keburukan.

Al-Yūbī (1430H: 372) menegaskan terdapat banyak *maqāṣid* umum, namun yang asasnya adalah dua sahaja iaitu:

3.2.1.1 **Memperolehi kemaslahatan dan menghindari kemudaratan** (*Jalb al-Maṣāliḥ wa Dar' al-Mafāsid*)

Pada asalnya, perkataan *maṣlaḥah* bermaksud memperolehi manfaat dan menghindari mudarat (al-Ghāzālī 2010: 275). Namun demikian, penggunaan yang biasa dipakai dalam perbincangan fikah, *maṣlaḥah* ialah sesuatu yang selalu atau kebiasaannya mendatangkan kebaikan atau manfaat, sama ada kepada individu atau masyarakat. Manakala *mafsadah* pula adalah lawan kepada *maṣlaḥah*. Iaitu sesuatu yang selalu atau kebiasaannya mendatangkan kerosakan iaitu *ḍarar* sama ada kepada individu atau masyarakat (Ibn 'Āshūr 1999: 203).

3.2.1.2 **Memudahkan dan menolak kesulitan** (*al-Taysir wa Raf' al-Haraj*)

Diantara ciri-ciri utama syariah Islam ialah mudah dan menolak apa saja yang boleh menimbulkan kesulitan. Oleh itu, ia merupakan diantara *maqāṣid* umum yang menjadi matlamat dalam pensyariatian hukum-hakam Islam sama ada berbentuk ibadah, *mu'āmalāt*, jenayah dan lain-lain. Terdapat banyak contoh yang boleh dirujuk untuk membuktikan matlamat umum ini seperti firman Allah SWT: وَمَا جَعَلَ

ج
عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ (al-Qur'ān, al-Ḥaj 22: 78).

Maksudnya:

“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”.

Begitu juga konsep *rukḥṣah* dalam fikah Islam. Seseorang musafir dibenarkan menunaikan solat secara jamak dan qasar untuk memudahkan perjalanan dan mengelak kesulitan keatas mereka.

3.2.2 **Objektif Khusus (*al-Maqāsid al-Khāṣṣah*)**

Ia bermaksud matlamat atau objektif khusus atau spesifik yang ingin dicapai oleh syarak melalui pensyariatan dalam bidang-bidang tertentu . Contohnya objektif tertentu dalam bidang ibadah, bidang *mu'āmalat*, jenayah dan lain-lain (al-Yūbī 1439H: 392).

Objektif khusus dalam bidang ibadah adalah tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Dalam bidang *mu'āmalat* pula adalah berasaskan kepada keperluan manusia. Oleh kerana itu sarjana Islam menegaskan bahawa asal perkara yang berkaitan dengan ibadah adalah *al-ta'abbud* iaitu patuh kepada Allah SWT, sebaliknya asal kepada perkara yang melibatkan *mu'āmalat* adalah perlu dirujuk kepada maksud-maksud tertentu atau sejauh mana ia memenuhi keperluan manusia dan membawa kebaikan kepada mereka (al-Shāṭibī 2006: Jil.1, 472). Manakala objektif khusus dalam bidang jenayah adalah untuk mendidik orang yang melakukan jenayah, memberi kepuasan kepada pihak yang menjadi mangsa dan untuk mengelak daripada menjadi contoh kepada orang lain (Ibn 'Āshūr 1999: 381).

3.2.3 **Objektif Cabang (*al-Maqāsid al-Juz'īyyah*)**

Ia bermaksud objektif yang ingin dicapai oleh syarak dalam tajuk-tajuk tertentu. Seperti objektif disebalik pensyariatan wuduk, solat, urusan jual beli dan lain-lain (al-Yūbī 1439H: 396).

3.3 **Pembahagian *Maqāsid al-Sharī'ah* Mengikut Tahap Kesahan (Validiti) *Maṣlahah***

Maqāsid al-sharī'ah mengikut tahap kesahan kewujudan sesuatu *maṣlahah* sama ada ia pasti wujud dan perlu dilakukan untuk memperolehi kemaslahatan atau perlu dielak untuk menolak daripada berlakunya kerosakan dapat dibahagi kepada tiga kategori iaitu (al-Zuhaylī 1998: Jil. 2, 1057):

3.3.1 ***Maṣlahah* Yang Pasti (*al-Maṣāliḥ al-Qaṭ'īyyah*)**

Ia merupakan *maṣlahah* yang pasti wujud dan tidak dipertikaikan lagi. Objektif yang ingin direalisasikan itu iaitu memperolehi *maṣlahah* di dapati sama ada secara jelas di dalam nas-nas syarak atau difahami secara rasional melalui penggunaan akal yang matang. Dimana sesuatu perkara itu jika dilakukan sudah pasti membawa kebaikan yang banyak, sebaliknya jika ditinggalkan boleh membawa kerosakan yang besar. Contohnya, melaksanakan perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Saidina Abu Bakar sebagai contoh, telah mengambil ketetapan dengan memerangi golongan yang enggan membayar zakat. Keputusan tersebut berdasarkan *maṣlahah qat'iyah*. Ia membawa kebaikan yang besar dari segi menjaga agama dan harta benda.

3.3.2 *Maṣlahah* Yang Kurang Pasti (*al-Maṣāliḥ al-Zanniyyah*)

Ia merupakan *maṣlahah* yang tidak sampai kepada tahap pasti. Dimana *maṣlahah* yang akan diperolehi dalam sesuatu hukum atau tindakan adalah pada peringkat *ẓan* atau anggapan baik yang kuat. Ia diperolehi melalui tanggapan akal yang rasional seperti menggunakan anjing sebagai pengawal rumah ketika dalam keadaan takut berlakunya pencerobohan.

3.3.3 *Maṣlahah* Yang Tidak Pasti (*al-Maṣāliḥ al-Wahmiyyah*)

Ia merupakan *maṣlahah* yang tidak pasti kewujudannya. Ia berlaku kepada sesuatu yang pada pandangan awalnya dianggap boleh membawa kebaikan dan keburukan. Namun setelah diteliti, sebenarnya ia boleh membawa kepada kemudaratan yang besar. Contohnya mengambil sesuatu yang boleh mengkhayalkan seperti dadah, opion dan juga sesuatu yang memabukkan. Pada pandangan sesetengah pihak, ia boleh membawa kebaikan. Tetapi sebenarnya ia membawa kesan negatif yang besar kepada penggunanya.

3.4 Pembahagian *Maqāṣid al-Sharī'ah* Mengikut Pihak Yang Terlibat

Sesuatu *maṣlahah* berdasarkan pihak yang terlibat dengan penggunaan dan kesannya dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu (al-Zuḥaylī 1998: Jil. 2, 1056):

3.4.1 *Maṣlahah* Umum (*al-Maṣlahah al-Kulliyah*)

Ia merupakan *maṣlahah* yang melibatkan kepentingan umum atau memberi kesan kepada sebahagian besar masyarakat. Contohnya mempertahankan negara daripada dicerobohi, mempertahankan agama, mengelak berlakunya perpecahan umat Islam dan sebagainya.

3.4.2 *Maṣlahah Individu (al- Maṣlahah al-Juz'iyah)*

Ia merupakan sesuatu *maṣlahah* yang memberi faedah dan kesan kepada individu atau sebilangan kecil masyarakat. Contohnya dibenarkan beberapa jenis *mu'āmalat* seperti jual-beli secara tempahan (*bay' al-istiṣnā'*) untuk kemudahan manusia.

3.5 Pembahagian *Maqāsid al-Sharī'ah* Mengikut Tahap Kepentingan *Maṣlahah* Yang Hendak Dijaga

Dari perspektif ini, *maṣlahah* yang ingin dijaga oleh syarak telah dibahagikan oleh para sarjana Islam kepada tiga jenis utama iaitu (al-Shāṭibī 2006: Jil.1, 265, Ibn 'Ashūr 1999: 218):

3.5.1 *al-Darūriyyāt (Asasi)*

Ia merupakan *maṣlahah* asasi yang melibatkan survival manusia . Oleh itu ia mesti ditegakkan demi kelangsungan hidup mereka. Menurut al-Shāṭibī (2006: Jil.1, 265) ia adalah sesuatu yang mesti ada bagi tujuan menegakkan kemaslahatan agama dan dunia. Jika tidak, kemaslahatan dunia tidak boleh ditegakkan malah sebaliknya akan musnah. Ia juga dikenali sebagai *al-Uṣūl al-Khamsah* (Lima Teras) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazālī 2010: 275). Untuk lebih difahami ia diibaratkan seperti jantung bagi sistem tubuh manusia. Tanpa jantung manusia tidak boleh meneruskan kehidupan.

3.5.1.1 Pembahagian *al-Darūriyyāt*

Menurut al-Kīlānī (2009: 168), para sarjana Usul fikah hampir bersepakat bahawa perkara *al-darūriyyāt* ini melibatkan lima perkara utama. Dalam hal ini al-Ghazālī (2010: 275) secara jelas telah menyebut dan menyusun keutamaan *al-darūriyyāt* ini kepada lima perkara dan dikenali dengan *al-Uṣūl al-Khamsah*. Beliau menyatakan “kita maksudkan dengan *maṣlahah* ialah penjagaan matlamat syarak. Matlamat

syarak ke atas manusia ada lima iaitu; menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka” (al-Ghazālī 2010: 275). Susunan yang lima ini dianggap yang paling kuat (al-Zuhaylī 1998: Jil. 2, 1048). Namun demikian ada dikalangan sarjana Islam yang menambah beberapa perkara lain yang dianggap *al-darūriyyāt* terutama yang melibatkan nilai-nilai kemasyarakatan seperti menjaga maruah (*al-‘ird*), kebebasan, persamaan, persaudaraan, bekerjasama (*al-takāful*) dan hak-hak asasi manusia (al-Qaradāwī 2008: 28).

i. Menjaga Agama

Menjaga agama merupakan perkara pokok dalam merealisasikan *maṣlahah*. Ia bermaksud menjaga akidah setiap orang Islam daripada perkara yang boleh memesongkannya dan mempertahankan perkara –perkara *qaṭ‘i* dalam Islam daripada segala bentuk penyelewengan (Ibn ‘Āshūr 1999: 220).

ii. Menjaga Nyawa

Menjaga nyawa bermaksud memeliharanya dari sesuatu yang boleh membawa kemusnahannya, sama ada ia melibatkan nyawa individu atau manusia secara keseluruhannya. Ini adalah kerana dunia ini merupakan himpunan daripada nyawa-nyawa individu yang semuanya mempunyai ciri-ciri keistimewaan mereka yang tersendiri (Ibn ‘Āshūr 1999: 221). Untuk menjaga nyawa ini, Allah SWT telah mewajibkan pengambilan makanan dan minuman untuk keperluan hidup. Bahkan perkara-perkara haram juga dibenarkan dalam keadaan *darūrāt* seperti daging yang diharamkan untuk dimakan dalam keadaan biasa adalah halal dalam keadaan terpaksa demi menjamin kelangsungan hidup manusia (al-Zuhaylī 1998: 1049).

Penjagaan nyawa juga dapat dilakukan dalam bentuk kawalan diri daripada terdedah kepada sesuatu yang boleh mengancam keselamatan nyawa. Begitu juga dengan memerangi sebarang bentuk penyakit yang berbahaya. Perkara tersebut telah dilakukan oleh Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb yang telah menghalang bala tenteranya daripada memasuki Rom yang sedang dilanda penyakit taun (Ibn ‘Āshūr 1999: 221).

iii. Menjaga Akal

Akal merupakan anugerah Allah SWT yang amat tinggi nilainya kepada manusia. Ia membezakan antara makhluk yang bergelar manusia dan haiwan. Menjaga akal bermaksud memeliharanya dari sebarang unsur yang boleh merosakkannya. Ini adalah kerana akal yang dipengaruhi oleh unsur yang menyeleweng boleh membawa kesan negatif yang besar kepada individu dan masyarakat. Urusan kehidupan manusia menjadi kucar kacir dan tidak dapat diuruskan dengan baik (Ibn ‘Āshūr 1999: 221).

iv. Menjaga Keturunan

Ia bermaksud menjaga keturunan yang lahir melalui proses yang dibenarkan oleh syarak (al-Yūbī 1430H: 245). Islam amat menitikberatkan kepada penjagaan keturunan yang sah. Oleh itu, bagi mengekalkan keturunan secara sah, Islam telah mensyariatkan sistem perkahwinan dan mengharamkan perzinaan. Hukuman yang tegas iaitu hukuman *ḥudūd* dikenakan keatas kesalahan jenazah zina (Ibn ‘Āshūr 1999: 222). Begitu juga Islam mengharamkan semua bentuk yang boleh menjejaskan kewujudan keturunan seperti homoseksual dan lesbian (al-Yūbī 1430H: 248). Pada masa yang sama sebarang usaha yang boleh membantu untuk mengelakkan daripada terjejasnya kewujudan keturunan yang baik tidak dilarang oleh syarak. Oleh itu, pemeriksaan kesihatan untuk mengenalpasti penyakit berbahaya kepada pasangan yang akan mendirikan rumah tangga dibenarkan oleh Islam. (al-Kīlānī 2009: 173).

v. Menjaga Harta

Menurut Ibn ‘Āshūr (1999: 221) menjaga harta bermaksud memelihara harta sesuatu golongan daripada musnah dan daripada jatuh ke pihak lain tanpa ada gantian. Harta adalah sesuatu yang diperolehi hasil usaha manusia sama ada berbentuk wang atau sebagainya. Ia merupakan elemen yang amat penting bagi kehidupan manusia sama ada secara individu, masyarakat dan negara.

Kemaslahatan hidup manusia tidak dapat direalisasikan tanpa adanya harta. Sememangnya setiap individu memerlukan makanan dan pakaian untuk hidup. Namun demikian, konsep pemilikan harta dalam Islam bukanlah untuk bermegah-megah. Tetapi ia bertujuan untuk dibelanjakan bagi merealisasikan *maṣlahah* yang

bertepatan dengan syarak (al-Yūbī 1430H: 2766-277). Allah SWT mensyariatkan pelbagai bentuk urusan *mu'āmalat* seperti jual beli, sewaan, *hibah*, syarikat dan sebagainya untuk memudahkan manusia menjalani kehidupan mereka. Pada masa yang sama, Islam mengharamkan sebarang bentuk urusan yang mengandungi unsur-unsur penipuan, khianat, riba dan memperolehi harta secara tidak betul. Seterusnya dikenakan ganti rugi ke atas harta-harta yang dirosakkan. Islam juga dengan tegas mengharamkan mencuri. Kesalahan tersebut diletakkan dibawah kategori jenayah *hudūd* (al-Zuḥaylī 1998: Jil. 2, 1050).

3.5.2 *al-Hājiyyāt* (Keperluan)

Ia merupakan sesuatu yang amat diperlukan oleh manusia untuk kemudahan hidup mereka. Tanpanya kehidupan manusia akan menjadi susah, tetapi tidaklah sampai kepada peringkat musnah (al-Shāṭibī 2006: Jil.1, 267). Contohnya perkara-perkara yang melibatkan *rukḥṣah* dalam ibadah seperti dibenarkan sembahyang secara jamak dan qasar bagi musafir, dan juga yang melibatkan hukum *mu'āmalāt* seperti *bay' al-salām*, *bay' al-istiṣnā'* dan lain-lain. Pensyariatannya adalah diperlukan untuk memberi kemudahan kepada kehidupan manusia dan sekaligus mengelakkan mereka daripada kesulitan (al-Kīlānī 2009: 177). Untuk lebih difahami, *al-hājiyyāt* bolehlah diumpamakan seperti anggota kaki bagi kehidupan seseorang. Seseorang itu boleh meneruskan kehidupannya walaupun tanpa memiliki kaki, namun ia adalah sukar kerana telah menyebabkan pergerakannya terbatas.

3.5.3 *al-Taḥsīniyyāt* (Kesempurnaan)

Ia merupakan *maṣlahah* yang berkaitan dengan penjagaan tata susila yang baik dan mengelakkan sesuatu yang dianggap tidak manis oleh kebiasaan dan akal manusia yang waras. Secara keseluruhannya, ia merangkumi perkara-perkara yang melibatkan akhlak yang mulia (al-Shāṭibī 2006: Jil.1, 267). Ketiadaan *al-taḥsīniyyāt* tidak menjejaskan sistem kehidupan manusia seperti *al-darūriyyāt* dan tidak juga menyebabkan kehidupan mereka menjadi sukar seperti *al-hājiyyāt*. Namun ia dianggap kurang manis oleh masyarakat yang mempunyai tata susila yang tersendiri (al-Zuḥaylī 1998: Jil. 2, 1051).

Penjagaan terhadap perkara *al-tahsīniyyāt* ini boleh mencerminkan keindahan sistem kehidupan ummah. Seterusnya menjadikan umat Islam dilihat berketrampilan dan hebat di mata masyarakat. Secara tidak langsung ia boleh menjadi daya tarikan dan menimbulkan minat kepada mereka untuk berdampingan dengan Islam. Contohnya etika berpakaian yang menutup aurat, menjaga kebersihan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan keluhuran budi pekerti (Ibn ʿĀshūr 1999: 224). Ia boleh diumpamakan seperti seseorang yang mempunyai rambut yang hitam dan lebat, hidung yang mancung dan kulit yang lembut yang boleh menambahkan kecantikannya di mata seseorang.

3.6 Pembahagian *Maqāsid* Mengikut Asal *Maṣlahah*

Para sarjana Islam telah membahagikan *maqāsid* berdasarkan kepada asal sesuatu *maṣlahah* yang hendak dijaga kepada dua jenis iaitu (al-Shāṭibī 2006: 384, al-Yūbī 1420H: 337):

3.6.1 Objektif Asal (*Maqāsid Aṣliyyah*)

Ia adalah objektif yang menjadi tujuan asal untuk dicapai melalui pensyariatian sesuatu hukum. Mengikut al-Shāṭibī (2006: 384), ia merupakan objektif yang tidak melibatkan campur tangan manusia di dalamnya. Objektif asal ini berkaitan untuk menjaga perkara-perkara *al-ḍarūriyyāt* yang diberi perhatian utama oleh syarak. Sebagai contoh, sembahyang. Mendirikan sembahyang adalah salah satu daripada perintah Allah untuk menjaga perkara *al-ḍarūriyyāt* iaitu menjaga agama dan sebagai tanda kepatuhan kepada perintah Allah. Oleh itu, melaksanakan perintah Allah untuk menjaga agama adalah objektif asal dalam pensyariatian sembahyang.

3.6.2 Objektif Sampingan (*Maqāsid Tābiʿah*)

Ia adalah objektif sampingan kepada objektif asal sama ada sebagai pemangkin kepada objektif asal atau yang berkaitan dengannya (al-Yūbī 1420H: 342). Objektif sampingan ini mengambil kira campur tangan manusia untuk merealisasikan kebaikan kepada mereka (al-Shāṭibī 2006: 386). Sebagai contoh, sembahyang. Objektif sampingan ialah untuk mencegah daripada perkara keji dan mungkar. Ia juga sebagai satu aktiviti senaman yang boleh menyihatkan tubuh badan manusia.

Secara umumnya diantara perkara yang membezakan diantara objektif asal dan objektif sampingan ini ialah *maṣlahah* yang ingin dicapai dalam objektif asal adalah lebih besar daripada objektif sampingan. Objektif asal merangkumi penjagaan perkara-perkara *al-darūriyyāt* dan yang boleh membawa kepada *maṣlahah* umum. Manakala objektif sampingan adalah yang lahir setelah dipenuhi objektif asal dan ianya boleh diambil kira sekiranya tidak bertentangan dengan syarak.

4- Dapatan dan Analisa

Beberapa isu yang berkaitan dengan *mu'āmalāt* telah dikenal pasti terdapat dalam buku '*Fatwa Masa Kini*'. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah menjawab beberapa permasalahan yang berkaitan dengan isu *mu'āmalāt* yang dikemukakan kepada beliau. Hukum-hakam yang berkaitan dengan isu-isu tersebut dinyatakan di bawah berserta dengan analisa sejauhmana al-Qaraḍāwī memakai *maqāṣid al-sharī'ah* semasa mengeluarkan hukum berkaitan dengan *mu'āmalāt*. Analisa dijuruskan kepada *maqāṣid* umum dan juga jenis-jenis *maqāṣid* yang menjadi sandaran utama beliau dalam mengeluarkan hukum-hakam yang berkaitan dengan *mu'āmalāt*.

4.1 Kadar Tertentu Bagi Keuntungan

Pada asalnya tidak ada nas sama ada daripada *al-Qur'ān* dan hadis yang menetapkan kadar tertentu bagi memperolehi keuntungan dalam sesuatu perniagaan. Oleh kerana itu al-Qaraḍāwī telah menjelaskan bahawa ia bergantung kepada budi bicara individu dan mengambil kira *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu mengelakkan daripada kemudarat. Beliau menyatakan: “Perkara ini adalah terletak kepada budi bicara peribadi Muslim, *urf* masyarakat sekitar dengan menjaga kaedah keadilan dan ihsan, menghalang daripada mudarat dan mendatangkan kemaslahatan” (al-Qaraḍāwī 1995: Jil. 7&8, 182).

Justeru, beliau berpendapat adalah harus bagi para peniaga untuk memperolehi keuntungan walaupun seratus peratus atau lebih dengan syarat keuntungan itu bersih daripada segala sebab yang haram dan tidak menimbulkan kemudarat kepada orang ramai. Ini adalah kerana objektif daripada perniagaan adalah untuk mendapat

keuntungan. Pandangan ini berkaitan dengan memelihara harta, iaitu salah satu daripada perkara *al-darūriyyat*. Namun demikian, memperolehi keuntungan secara berlebihan adalah ditegah sekiranya tindakan tersebut boleh menimbulkan kesulitan atau kemudaratan kepada orang ramai. Secara jelasnya, al-Qaraḍāwī telah mengeluarkan fatwa berdasarkan *maqāṣid al-sharī‘ah* iaitu menghindari daripada berlakunya sesuatu kemudaratan ‘*dar*’ *al-mafāsīd*’ walaupun keuntungan yang berlipat kali ganda boleh membawa kebaikan kepada individu. Pada masa yang sama, beliau juga telah mengambil kira *maṣlaḥah* umum (*maṣlaḥah kullīyyah*) dengan mengenyampingkan *maṣlaḥah* individu (*maṣlaḥah juzīyyah*). Para peniaga boleh memperolehi keuntungan dalam perniagaan mereka dengan syarat ianya tidak membawa keburukan kepada masyarakat.

4.2 Menyembunyikan Harga Semasa

Diantara keuntungan yang diharamkan ialah menipu dengan menyembunyikan harga pasaran semasa bagi sesuatu barangan. Al-Qaraḍāwī menyatakan bahawa haram mengambil peluang daripada kelalaian pemilik barang dan menyembunyikan daripada pengetahuan penjual atau pembeli mengenai naik-turunnya harga di pasaran. Urus niaga sebegini pada pandangan beliau adalah haram kerana terdapat unsur-unsur penipuan dan ia merugikan salah satu pihak. Ini dikira satu bentuk kemudaratan yang seharusnya dielakkan daripada menimpa kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi jual beli.

Al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 196) menegaskan: “Tidak harus mengambil peluang daripada kelalaian pemilik barang dan menyembunyikan daripada pengetahuan penjual atau pembeli mengenai naik turunnya harga. Sekiranya dia melakukan demikian, dia telah melakukan kezaliman kerana meninggalkan keadilan dan nasihat dalam agama kepada kaum Muslimin.”

Sandaran utama al-Qaraḍāwī dalam fatwa di atas adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kemudaratan. Sememangnya manusia digalakkan untuk menjalankan perniagaan dan memperolehi harta. Bahkan menjaga harta adalah salah satu perkara *al-darūriyyāt* yang dipelihara oleh syarak. Namun demikian, urusan

tersebut hendaklah dilakukan secara jujur dan telus. Oleh itu, sebarang unsur yang boleh membawa kemudaratatan kepada mana-mana pihak yang terlibat hendaklah dijaui. Di dalam fatwa di atas juga, al-Qaraḍāwī telah mengambil kira salah satu konsep penting dalam perbincangan *maqāṣid* iaitu apabila timbulnya pertembungan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*, maka menolak *mafsadah* adalah diutamakan.

4.3 Barangan Yang Haram Disorok atau Monopoli

Menyorok barang bererti seseorang penjual menyimpan sesuatu barang sehinggalah harganya melambung tinggi. Keuntungan melalui cara sebegini adalah diharamkan oleh Islam kerana ia membawa kemudaratatan kepada manusia. Al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 200) menjelaskan: “Kemudaratatan akan bertambah besar bila hanya seorang peniaga sahaja yang mempunyai barangan tersebut, ataupun sekumpulan peniaga berpakat untuk menyimpan sesuatu barang sehinggalah manusia amat berhajat kepadanya. Ketika itu mereka akan menaikkan harganya dan pelanggan terpaksa membelinya.”

Ulama berselisih pendapat mengenai barangan yang haram disorok atau dimonopoli. Ada dikalangan mereka yang mengkhususkan barangan tersebut kepada makanan asasi sahaja. Namun demikian al-Qaraḍāwī menjelaskan bahawa monopoli adalah diharamkan kepada semua jenis barangan yang diperlukan oleh manusia sama ada makanan, pakaian, peralatan belajar, rumah dan sebagainya. Al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 202) secara tegas menjelaskan: “Sebab kepada pengharaman juga menguatkan pendapat tersebut, iaitu mendatangkan kemudaratatan kepada keseluruhan manusia rentetan daripada menyimpan barang keperluan. Keperluan manusia sekarang bukan hanya kepada makanan tetapi meliputi minuman, pembelajaran, kenderaan dan perhubungan sesama manusia dalam pelbagai cara.”

Pandangan ini adalah sesuai kerana keperluan manusia sentiasa berubah mengikut tempat dan masa. Beliau menyebut: “Keperluan manusia berubah mengikut perkembangan peringkat kehidupan manusia. Banyak perkara-perkara yang dahulunya hanya penyempurna kepada kehidupan, tapi kini menjadi perkara yang diperlukan oleh manusia” (al-Qaraḍāwī 1995: Jil. 7&8, 202).

Al-Qaradawi telah mengemukakan alasan yang jelas untuk menguatkan hujahnya. Beliau berpendapat semua barangan yang diperlukan oleh manusia adalah haram disorok. Fatwa ini adalah berdasarkan kepada menjaga perkara-perkara yang diperlukan oleh manusia iaitu *al-darūriyyāt*. Makanan, tempat tinggal, pendidikan adalah antara beberapa contoh perkara *al-darūriyyāt* yang dikemukakan oleh al-Qaradāwī. Pada masa yang sama, pengharaman menyorok barang adalah kerana ia boleh membawa kemudatan secara menyeluruh kepada manusia. Oleh itu, walaupun menyorok barang boleh membawa kebaikan kepada pemiliknya yang dikategorikan sebagai *maṣlahah* individu, namun demi menjaga kemaslahatan umum, aktiviti tersebut adalah haram dan ianya adalah menyeluruh ke atas semua perkara yang diperlukan oleh manusia.

Selain daripada itu, al-Qaradawī juga menegaskan bahawa tahap keperluan manusia menjadi pertimbangan asas kepada sejauh mana pengharaman sesuatu barangan daripada disorok. Ini berkaitan dengan klasifikasi *maqāsid al-sharī'ah* mengenai dengan tahap *maṣlahah* yang dijaga oleh syarak. Tahap keperluan seseorang kepada sesuatu adalah berbeza-beza. Keperluan tersebut adakalanya berbentuk *al-darūriyyāt*, *al-hajjiyyāt* dan *al-tahsīniyyāt*. Oleh kerana itu, syariat Islam sentiasa mengambil kira tahap keperluan tersebut agar kemaslahatan hidup mereka dapat direalisasikan. Beliau menegaskan: “Monopoli akan bertambah kuat pengharamannya apabila barangan itu semakin diperlukan oleh manusia terutamanya makanan. Dan yang paling utama ialah pengharaman monopoli terhadap makanan asasi” (al-Qaradāwī 1995: Jil. 7&8, 202). Pengharaman menyorok makanan asasi adalah untuk menjaga nyawa, iaitu salah satu perkara *al-darūriyyat* yang dijaga oleh syarak.

Pendapat di atas juga berdasarkan kepada merealisasikan objektif umum (*maqāsid ‘āmmah*) iaitu untuk memudahkan orang ramai dan mengelakkan kesulitan kepada mereka. Beliau telah menyatakan; “Pendapat yang paling jelas ialah haram, kerana umumnya larangan dan juga kerana kelewatan menjual barangan tersebut pada kebiasaannya boleh menyusahkan orang ramai” (al-Qaradāwī 1995: Jil. 7&8, 194).

4.4 Waktu Yang Diharamkan Sorokan Atau Monopoli

Al-Qaraḍāwī telah menggunakan tahap kemudaratannya sebagai neraca asas dalam membuat pertimbangan waktu diharamkan sorokan atau monopoli dan kadar pengharamannya. Beliau menyebut: “Haram atau tidak adalah kembali kepada adanya mudarat atau tidak. Perkara ini adalah jelas dalam pengharaman monopoli makanan. Sekiranya tidak berlaku kemudaratannya, hukum monopoli makanan asasi tidak terlepas daripada makruh, kerana ia bermakna menunggu sebab yang akan mendatangkan kemudaratannya kepada manusia, iaitu menunggu kenaikan harga. Sedangkan menunggu sebab yang akan mendatangkan kemudaratannya kepada orang ramai adalah dilarang, sama hukumnya dengan menunggu kemudaratannya itu sendiri. Walau bagaimanapun hukumnya adalah lebih ringan. Begitu juga menunggu kemudaratannya adalah lebih ringan daripada kemudaratannya itu sendiri. Dengan berbezanya kadar kemudaratannya, maka berbezalah juga kadar hukum sama ada haram atau makruh” (al-Qaraḍāwī 1995: Jil. 7&8, 203).

Fatwa ini jelas menunjukkan bahawa pertimbangan utama dalam mengeluarkan hukum berkaitan dengan masa dan kadar pengharaman menyorok barang adalah bergantung kepada tahap kemudaratannya yang akan menimpa manusia. Dalam hal ini, al-Qaraḍāwī dilihat amat mengambil berat mengenai konsep *dar' al-mafāsīd*, mengelak kemudaratannya. Bahkan bagi pandangan beliau, hukum sesuatu perkara itu adalah bergantung kepada sejauhmana ia boleh memberi kesan negatif atau kemudaratannya ke atas manusia.

4.5 Campurtangan Kerajaan Dalam Mengawal Gaji Pekerja

Al-Qaraḍāwī berpegang kepada *maqāṣīd al-sharī'ah* iaitu membawa *maṣlahah* dalam menentukan hukum kewajipan pihak pemerintah untuk campurtangan dalam menetapkan gaji pekerja. Pada pandangan beliau tugas kerajaan dalam Islam bukan hanya terhad kepada menjaga keamanan dalam negeri atau mempertahankannya dari musuh luar sahaja. Sebaliknya ia meliputi segala aspek yang boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia seperti menghapuskan kezaliman dan menegakkan keadilan sesama manusia. Disamping itu, pihak pemerintah juga bertanggungjawab

untuk menghilangkan segala bentuk kemudaratan seperti perbalahan di kalangan anggota masyarakat, seterusnya diganti dengan persaudaran dan tolong-menolong (al-Qaraḍāwī 2001: Jil. 3&4, 240). Ini bertepatan dengan salah satu kaedah fikah: Segala tindakan pemerintah adalah berasaskan kepada *maṣlahah*.

Al-Qaraḍāwī (2001: Jil. 3&4, 250) menegaskan: “Syariat mengalu-alukan campurtangan kerajaan Islam dalam hal menetapkan upah pekerja, apabila tujuannya untuk keperluan dan *maṣlahah*, di samping menegakkan keadilan dan menghindari kezaliman. Di samping ia menghalang punca-punca perselisihan dan permusuhan serta memudaratkan, dengan syarat urusan itu ditadbir oleh pakar pentaksir yang mampu menilai upah dan ganjaran kerja dengan adil tanpa sebarang kecenderungan kepada mana-mana pihak sama ada pekerja ataupun majikan.”

Bersandarkan alasan yang sama, al-Qaraḍāwī (2001: Jil. 3&4, 250) meluaskan lagi skop campurtangan pemerintah. Bagi pandangan beliau pihak pemerintah juga boleh menetapkan jumlah masa kerja, cuti mingguan, tahunan atau cuti sakit dan sebagainya. Seterusnya beliau merumuskan bahawa inilah yang menyebabkan sarjana Islam menetapkan bahawa sesuatu fatwa itu boleh berubah menurut masa, tempat dan keadaan. Semua ini termasuk dalam ruang lingkup *siyāsah shar‘iyyah* yang luas skopnya.

Fatwa ini secara amnya menunjukkan bahawa sesuatu yang membawa kemaslahatan adalah diharuskan. Al-Qaraḍāwī secara jelas mengeluarkan fatwa tersebut berasaskan konsep *maṣlahah mursalah*; iaitu *maṣlahah* yang tidak dinyatakan oleh syarak sama ada diakui atau menolaknya. Justeru, ia bergantung kepada sejauh mana ia memberi manfaat kepada manusia dan menghindari mereka daripada kemudaratan. Disamping itu, pandangan beliau juga telah mengambil kira *maṣlahah* yang melibatkan kepentingan umum. *Maṣlahah* umum (*maṣlahah kulliyah*) telah diberi keutamaan daripada *maṣlahah* individu (*maṣlahah juziyyah*). Ianya juga bertepatan untuk menjaga perkara *al-ḍarūriyyāt* iaitu menjaga nyawa manusia. Pengagihan gaji pekerja yang tidak seimbang akan membawa kepada rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Ini boleh membawa kepada kegiatan jenayah dan kekacauan

dalam masyarakat. Pihak pemerintah adalah bertanggungjawab untuk memastikan rakyat dan negara berada dalam keadaan aman dan makmur. Justeru, pihak kerajaan boleh campurtangan dalam menetapkan gaji pekerja.

4.6 Campurtangan Kerajaan Dalam Menetapkan Sewa Rumah

Al-Qaraḍāwī telah memberi fatwa bahawa pihak pemerintah mempunyai hak untuk menentukan sewa rumah jika boleh mendatangkan *maṣlahah* walaupun tindakan sebegini dianggap menghadkan kebebasan individu. Beliau menjelaskan campurtangan dalam perkara tersebut menjadi tanggungjawab pemerintah demi melaksanakan keadilan dan menjauhi kezaliman diantara manusia. Beliau menyebut: “Semuanya berdasarkan kepada ketetapan syarak dalam menegakkan *maṣlahah* dan menghindarkan kerosakan dari makhluk, tetapi pihak kerajaan hendaklah tidak berpihak kepada satu kelompok sahaja, sebaliknya keadilan adalah untuk semua” (al-Qaraḍāwī 2001: Jil. 3&4, 360).

Pandangan al-Qaraḍāwī ini adalah selaras dengan *maṣlahah mursalah*. Ianya dibenarkan oleh syarak dan menjadi salah satu sumber perundangan Islam. Beliau juga didapati sekali lagi mengeneipikan *maṣlahah juziyyah* demi untuk merealisasikan *maṣlahah kulliyah*. Menjadi tanggungjawab pihak pemerintah untuk memastikan kebaikan dan keadilan kepada semua pihak, bukan untuk memenuhi kepentingan individu tertentu sahaja.

4.7 Duit Faedah Bank

Sememangnya telah jelas dalam kalangan sarjana Islam mengenai faedah bank dalam sistem konvensional adalah riba dan hukumnya adalah haram. Oleh itu, faedah bank tersebut tidak halal bagi penyimpannya. Persoalannya apakah yang patut dilakukan terhadap harta tersebut?

Al-Qaraḍāwī merungkai permasalahan ini berdasarkan kepada *maṣlahah* yang diperolehi daripadanya. Beliau memfatwakan bahawa sesuatu yang haram tidak boleh dimiliki, oleh itu wajib disedekahkan berdasarkan kepada *maqāṣid al-sharī‘ah* iaitu membawa kepada *maṣlahah*. Oleh itu, beliau tidak bersetuju dengan pandangan

yang menyatakan bahwa harta tersebut hendaklah dibiarkan atau membuangnya ke laut dengan alasan tidak boleh bersedekah dengan sesuatu yang kotor.

Dalam hal ini beliau menegaskan: “Walau bagaimanapun ini bertentangan dengan kaedah-kaedah syarak yang melarang menghilangkan harta dan tidak mengambil faedah dengannya. Seseorang itu mesti mengambil faedah dari hartanya. Jadi, selama dia bukan milik harta itu (faedah bank), haruslah baginya mengambil dan mendedekahkannya kepada fakir miskin atau memberi kepada projek sukarela dan sebagainya yang dirasakan dapat memberi kebaikan kepada agama Islam dan umatnya. Harta yang haram bukanlah milik sesiapa seperti yang telah dijelaskan. Faedahnya pula bukanlah menjadi milik bank atau pun penyimpan, sebaliknya hendaklah ia menjadi milik kepada kepentingan awam. Inilah halnya mengenai harta yang haram.” (al-Qaraḍāwī 2011: Jil. 3&4, 267-268).

Al-Qaraḍāwī secara jelas telah menggunakan *maqāṣid al-sharī‘ah* yang melibatkan *maṣlaḥah kulliyyah*. Bagi pandangannya, duit hasil riba tidak boleh digunakan oleh diri sendiri, namun dibenarkan untuk disedekahkan untuk kepentingan umum.

4.8 Membelanjakan Wang Yang Diperolehi Daripada Sumber Yang Haram

Isu ini berkaitan rapat dengan hukum yang telah dinyatakan sebelumnya. Al-Qaraḍāwī menjelaskan bahawa harta yang diperolehi daripada sumber yang haram adalah haram kepada orang yang mendapatkannya. Tidak harus bagi seseorang menggunakannya kerana jika digunakannya bererti dia telah memakan harta yang diperolehi dengan jalan kezaliman.

Namun demikian, berdasarkan *maqāṣid al-sharī‘ah* iaitu mendatangkan *maṣlaḥah*, harta tersebut adalah halal kepada golongan fakir miskin dan rancangan kebajikan. *Maṣlaḥah* umum dapat direalisasikan apabila wang tersebut dibelanjakan pada jalan kebajikan. Jika tidak, ia dianggap membazir. Ini bertentangan dengan syarak. Secara tegas al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 150) menyebut: “Dalam masalah ini, apa yang diharuskan oleh syarak ialah menyalurkan harta tersebut dan juga harta-harta lain yang haram ke arah jalan kebajikan.”

Oleh itu, secara jelas fatwa tersebut adalah bertujuan untuk merealisasikan *maṣlahah* seperti ditegaskan sendiri oleh al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 155): “Apabila *maṣlahah* menentukan wajib dihalalkan harta itu maka ia halal dan dengan itu kita meredai yang halal untuk mereka.”

4.9 Penerimaan Segera Dalam Perniagaan Matawang

Terdapat isu berkaitan dengan bank-bank Islam yang membeli matawang dengan bank lain dimana penyerahan dan penerimaan transaksi terbabit tidak berlaku secara serta merta. Sebaliknya berlaku secara bertanggung sama ada dalam tempoh 48 jam atau lebih.

Berdasarkan hukum asalnya, al-Qaraḍāwī (1995: Jil. 7&8, 170) menyatakan transaksi tersebut adalah tidak sah. Menurut syarak, penerimaan dan pembayaran dalam jualbeli matawang (item ribawi) hendaklah berlaku secara langsung dalam majlis akad. Oleh itu, tidak harus jual beli matawang secara bertanggung.

Namun demikian, berdasarkan objektif umum (*al-maqāṣid al-‘āmmah*) dalam pembahagian *maqāṣid al-sharī‘ah* iaitu memudahkan dan mengelakkan daripada kesulitan, al-Qaraḍāwī menganggap jual beli tersebut adalah dikira sah. Beliau berpegang kepada kebiasaan, ‘*urf*’ sesuatu masyarakat. Apabila penyerahan berlaku dan ia berbeza dengan jual beli secara bertanggung mengikut ‘*urf*’, maka ia tidak dikira menyalahi syarak. Beliau menegaskan: “Penerimaan adalah ditentukan oleh keadaan semasa. Syarak telah menyerahkan penetapan banyak perkara kepada ‘*urf*’ semasa yang dihadapi oleh manusia, sepertimana yang disebut oleh Ibn Qudāmah dan lainnya. Di antaranya ialah masalah penerimaan dalam jual beli” (al-Qaraḍāwī 1995: Jil. 7&8, 170).

Jika dilihat dari sudut penjagaan *al-uṣūl al-khamsah* (lima teras) dari *al-darūriyyāt*, ia berkaitan dengan menjaga harta. Manakala cara untuk memperolehnya adalah berkaitan dengan memenuhi perkara *al-ḥājjiyyāt*. Ia merupakan sesuatu yang amat diperlukan oleh manusia untuk kemudahan hidup mereka. Tanpanya kehidupan

manusia akan menjadi susah, tetapi tidaklah sampai kepada peringkat musnah. Oleh itu, dalam konteks semasa, transaksi sebegini adalah dikira sebagai salah satu bentuk *al-ḥājiyyāt*. Ia akan memudahkan urusan perniagaan kontemporari yang sentiasa berkembang. Keanjalan hukum Islam telah memudahkan umat Islam untuk melibatkan diri secara aktif dalam sistem kewangan di peringkat antarabangsa. Seterusnya tidak menyulitkan mereka untuk memperkenalkan produk-produk kewangan yang tidak bertentangan dengan syariah.

4.10 Bekerja Di Bank Konvensional

Sememangnya telah disepakati bahawa Islam telah menolak riba. Seterusnya mengharamkan segala unsur pertolongan untuk dosa dan maksiat. Oleh itu penolong kerja maksiat dianggap sebagai sekutu kepada pembuat maksiat itu sendiri (al-Qaraḍāwī 2011: Jil. 3&4, 271).

Namun demikian, al-Qaraḍāwī menjelaskan, seseorang Islam boleh bekerja di bank yang beroperasi secara riba dengan syarat dia tidak merelakannya sehingga berubah corak kewangan kepada corak yang diredai oleh agama dan hatinya.

Dari sudut *maqāṣid al-sharī'ah*, *maṣlahah* yang ingin dipelihara oleh syarak ialah *al-ḍarūriyyāt*, *al-ḥājiyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt*. Fatwa ini adalah untuk memenuhi samada *maṣlahah* yang melibatkan *al-ḍarūriyyāt* atau *al-ḥājiyyāt*. Ianya bergantung kepada tahap keperluan dan situasi seseorang. Dalam hal ini beliau telah menyatakan: “Kita tidak lupa pendapat sarjana Islam tentang kepentingan hidup atau hajat yang perlu diambil kira kerana sesuatu keperluan. Yang perlu ialah menerima kerja tersebut sebagai satu cara untuk meneruskan hidup dan mencari rezeki” (al-Qaraḍāwī 2011: Jil. 3&4, 274). Penjagaan nyawa dan harta adalah diantara perkara *al-ḍarūriyyāt* yang diberi penekanan oleh syarak. Ianya telah diambil kira oleh al-Qaraḍāwī dalam mengeluarkan fatwa, walaupun ianya bertentangan dengan hukum asalnya yang haram.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Islam adalah agama yang lengkap dan sesuai untuk dilaksanakan oleh manusia tanpa mengira batas waktu dan tempat . Keistimewaan syariat Islam ini antara lain adalah berdasarkan kepada dua ciri utamanya yang teguh iaitu bersifat tetap dalam perkara-perkara dasar seperti akidah. Manakala anjal dalam perkara-perkara cabang seperti *mu'āmalāt*. Ciri-ciri tersebut menjadikan Islam sebagai agama yang sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan sesuai dengan tuntutan kehidupan manusia yang semakin kompleks.

Rentetan daripada itu, kajian ini mendapati bahawa segala amalan yang diperintahkan oleh syarak adalah berteraskan kepada *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu untuk membawa kebaikan kepada manusia dan menghindarkan mereka daripada keburukan. Ini tidak dapat dinafikan, kerana disebalik pensyariatkan sesuatu hukum terdapat tujuannya yang tersendiri. Tujuan atau hikmat tersebut mungkin diketahui oleh manusia atau sebaliknya.

Memandangkan hukum-hakam syarak disyariatkan untuk merealisasikan kepentingan manusia dalam kehidupan mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat. Maka, kefahaman terhadap *maqāṣid al-sharī'ah* adalah sangat penting.

Kajian ini juga menunjukkan al-Qaraḍāwī secara jelas menggunakan *maqāṣid al-sharī'ah* semasa mengeluarkan sesuatu hukum. Beliau didapati banyak behujah dengan berlandaskan kepada kefahamannya yang mendalam terhadap *maqāṣid al-sharī'ah* dalam mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan isu-isu *mu'āmalāt*. Ini adalah kerana perkara yang berkaitan dengan *mu'āmalāt* sentiasa berubah dan keperluan manusia terhadapnya adalah berbeza-beza. Pandangan sebegini bertepatan dengan salah satu prinsip fikah Islam yang menyatakan bahawa hukum asal perkara yang berkaitan dengan ibadah adalah *ta'abud*. Manakala hukum perkara yang berkaitan dengan *mu'āmalāt* hendaklah dilihat kepada matlamatnya. Metode fatwa al-Qaraḍāwī ini tidaklah menafikan peranan nas-nas dalam menginstibat sesuatu hukum. Malah beliau didapati amat berpegang teguh kepada nas-nas yang bersifat umum dan jelas disamping meraikan *maqāṣid al-sharī'ah*.

Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang telah diperolehi melalui kajian yang berkaitan dengan peranan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam fikah kontemporari dan aplikasinya oleh al-Qaraḍāwī dalam *mu'āmalāt*, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan berikut:

- 1- Pendedahan umum berkaitan dengan konsep *maqāṣid al-sharī'ah* hendaklah dilakukan kepada masyarakat awam. Pendedahan tersebut dapat membantu mereka memahami Islam secara menyeluruh, seterusnya menyelami objektif disebalik perintah Allah SWT.
- 2- Menganjurkan seminar atau kursus jangka pendek mengenai *maqāṣid al-sharī'ah* dan keperluan merealisasikannya dalam mengeluarkan hukum berkaitan muamalat kepada mereka yang terlibat dengan sistem kewangan Islam. Ini adalah kerana mereka merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan hukum Islam.
- 3- Buku-buku berkaitan dengan *maqāṣid al-sharī'ah* perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Ini memandangkan kebanyakan buku-buku rujukan utama berkaitan dengan *maqāṣid al-sharī'ah* adalah dalam Bahasa Arab. Penterjemahan buku-buku tersebut boleh membantu penyebaran kefahaman tentang *maqāṣid* dengan lebih mudah dan berkesan.
- 4- Kajian terhadap buku '*Fatwa Masa Kini*' hasil nukilan al-Qaraḍāwī perlu diperluaskan lagi dengan memberi tumpuan kepada aplikasi *maqāṣid al-sharī'ah* ke atas isu-isu lain pula, seperti yang berkaitan dengan kekeluargaan, politik dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdullah Bin Muhammad Basmi. 2000. Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'ān. Kuala Lumpur: Dār al-Fikr.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamīd. 2010. *al-Mustaṣfā min 'ilm al-uṣūl*. Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Abd al-Salām, 'Iz al-Dīn 'Abd al-'Azīz. 2010. *al-Qawā'id al-kubrā al-mausūm bi qawā'id al-aḥkām fī iṣlāḥ al-anām*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad Ṭahir. 1999. *Maqāṣid al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. 'Ammān: Dār al-Nafāis.
- Khallāf, 'Abd al-Wahhāb. 1968. *Khulāṣah tārikh al-tashrī' al-Islāmī*. t.tp.: Dār al-Kuwaytiyyah.
- al-Kīlānī, 'Abd al-Raḥmān Ibrāhīm. 2009. *Qawā'id al-maqāṣid 'inda al-Imām al-Shaṭībī*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Transformasi fikah semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- al-Qaraḍāwī, Yūsuf. 1995. *Fatwa masa kini*. Jil. 7&8. Ter. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- _____. 2008. *Dirāsah fī maqāṣid al-sharī'ah*. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- _____. 2009. *Fatwa masa kini*. Jil. 5&6. Ter. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- _____. 2011. *Fatwa masa kini*. Jil. 1&2. Ter. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- _____. 2011. *Fatwa masa kini*. Jil. 3&4. Ter. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- al-Shaṭībī, Abū Ishāk. 2006. *al-Muwāfaqāt fī usūl al-sharī'ah*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Yūbī, Muḥammad Sa'd Ibn Mas'ūd. 1430H. *Maqāṣid al-sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'alāqatuhā bi al-adillah al-sharī'yyah*. Dār Ibn al-Jawzī: al-Riyāḍ.
- al-Zuḥaylī, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- _____. 1998. *Uṣūl al-fiqh al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Fikr.